

21/07/1999

Lucent cadang MSC guna teknologi komunikasi termaju

PEMBEKAL sistem komunikasi terkemuka dunia, Lucent Technologies, mencadangkan sistem komunikasi terancang kepada kerajaan Malaysia untuk dilaksanakan dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Tujuannya ialah bagi membolehkan MSC menggunakan teknologi terkini dalam sistem rangkaian suara dan data, sekali gus dijadikan model kepada institusi lain di seluruh negara.

Cadangan itu dibuat dalam pertemuan antara Naib Presiden Eksekutifnya, Ben JM Verwaayen dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

Verwaayen adalah seorang daripada anggota tetap Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP).

Katanya, Lucent mempunyai kemampuan unik untuk menyumbangkan teknologi ke dalam prasarana rangkaian telekomunikasi data dan video negara ini.

"Kami bersedia bekerjasama dengan Telekom Malaysia dan pengendali lain untuk membina rangkaian abad ke-21 bagi MSC, di samping menawarkan kemudahan makmal Bell (Bell Laboratories) kepada sebarang pembangunan oleh Universiti Multimedia (MMU) dan firma tempatan yang memerlukan."

"Universiti Multimedia akan diberi bantuan dalam sektor akademik melalui Program Lawatan Profesor Makmal Bell, iaitu inisiatif yang kami janjikan kepada PM melalui mesyuarat IAP tahun lalu," katanya.

Kerjasama Makmal Bell dengan MMU juga akan mengunjur kepada pembangunan sukatan pelajaran dalam sektor wayarles, perpindahan isyarat dan sistem pensuisan dan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi.

Tambah beliau, pertemuan dengan Perdana Menteri itu didakwa sungguh bernilai baginya untuk bertukar pendapat mengenai pembangunan MSC dan kemampuan Lucent membantu usaha untuk melaksanakannya.

Operasinya di Malaysia adalah melalui anak syarikatnya, Lucent Technologies (Malaysia) Sdn Bhd yang berstatus MSC.

Sebaik mendapat status MSC, bahagian multimedianya dipecahkan kepada Pusat Teknikal Kawasan GSM, Makmal GSM, dan Pusat Operasi Komersil Kawasan.

Pada Februari lepas, Lucent membuktikan komitmennya kepada negara dengan pembukaan ibu pejabat barunya di bandar siber MSC, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur.

Sehingga hari ini, saintis Makmal Bell sudah melatih lebih 226 rakyat Malaysia mengenai komunikasi wayarles dan optikal, dan teknologi Internet berkelajuan tinggi.

(END)